

19/05/2000

Australia perlu cermin diri sendiri

WALAUPUN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diwawancara oleh televisyen Australia, SBS, lebih sebulan lalu dan hanya disiarkan kelmarin, namun tegurannya terhadap negara itu, tetap tidak basi. Selagi Australia yang dipimpin Perdana Menteri John Howard yang berhaluan konservatif tidak mengubah sikapnya menghormati negara lain, selagi itulah sesiapa saja boleh membuat tuduhan terhadap sikap Australia yang angkuh. Australia harus mengikis salah sangka bahawa negara itu adalah 'tuan' kepada negara-negara Asia yang lain. Tidak ada negara di Asia yang mahu bertuan Australia kerana negara itu sendiri tidak dapat menyelesaikan masalah rakyat terutama pribumi di negara sendiri. Bagaimana mahu melihat keadilan di negara lain sedangkan di negara sendiri penuh dengan ketidakadilan.

Australia tidak boleh menyorongkan pipinya untuk mendapatkan sokongan rakyat di negara-negara lain di rantau ini jika negara itu sendiri tidak melihat kelemahan yang ada di negara mereka. Jika rakyat mereka sendiri tidak berpuas hati dengan kepincangan yang wujud di negara itu, Canberra tidak berhak untuk mengiktiraf dirinya sebagai penaung bangsa-bangsa lain di Asia. SBS sengaja mengemukakan soalan provokasi mengenai kerajaan mereka kepada Dr Mahathir kerana tahu jawapan yang akan diterima juga tentulah pedas.

Dr Mahathir membangkitkan sikap Australia yang suka 'membuli' negara-negara di rantau ini, seolah-olah mahu menganggap negaranya sebagai kuasa besar di Asia. Daripada campur tangan dalam beberapa isu yang membabitkan negara-negara di Asia, membuktikan bahawa negara itu cuba menonjolkan dirinya. Walaupun adakalanya tidak diundang, Australia sentiasa cuba menawarkan diri, kononnya ingin berjasa kepada rantau ini. Pada hal Australia sendiri tidak menganggap mereka sebagai bangsa Asia. Hanya disebabkan warna kulit mereka yang berbeza dengan penduduk Asia lain, mereka menganggap Australia lebih condong kepada bangsa Eropah. Bangsa Eropah adalah bangsa yang menjajah. Sikap yang ditunjukkan oleh negara itu kebelakangan ini, terutama membabitkan isu di beberapa negara di rantau ini, jelas menunjukkan Canberra mula menyuntik ciri-ciri untuk menguasai dan meluaskan pengaruh. Sikap begitu tidak boleh diterima. Australia sepatutnya sedar bahawa negara itu lebih bergantung kepada Asia, bukan negara-negara Asia mengharap ihsan daripada negara itu.

Daripada cara tindakan negara itu berhubung isu Timor Timur, umpamanya, jelas menunjukkan bahawa Australia cuba mengambil kesempatan daripada kelemahan orang lain dan melihat kepentingan dirinya lebih daripada kepentingan serantau. Sikap Australia yang menjadi 'kepala' misi pengaman di wilayah itu, membuktikan Australia mahu diiktiraf sebagai pemimpin Asia atau setidak-tidaknya polis Asia. Hakikatnya, kebanyakan negara Asia bukan saja tidak memilih, malah tidak merestui pemilihan negara itu.

Hakikatnya, kehadiran Australia tidak dapat diterima, bukan saja rakyat Indonesia, malah negara lain di rantau ini. Sekalipun ingin menunjukkan kuasa dengan mempengaruhi negara besar yang lain termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Australia terlebih dahulu perlu bertanya kepada diri sendiri, apakah mereka diterima untuk mengepalai satu misi yang membabitkan soal keamanan dan keselamatan di rantau ini. Di Asia, masih banyak negara yang boleh diterima oleh rakyat Indonesia dan dihormati oleh masyarakat di negara-negara lain. Mengapa Australia? Isu di Timor Timur membabitkan tuntutan kemerdekaan rakyat dan pemerintah

Indonesia yang tentunya begitu sensitif untuk diselesaikan oleh sebuah negara yang berkepentingan. Ini adalah soal maruah, kedaulatan dan keselamatan Asia. Melihat kepada kepentingan Australia di Timor Timur, tentulah akan menimbulkan syak wasangka terhadap negara itu. Tidak hairanlah jika kehadiran tentera Australia di wilayah itu lebih banyak menimbulkan masalah, apatah lagi mereka cuba menjadikan rakyat tempatan sebagai tali barut mereka. Seorang askar Australia yang berkhidmat dengan PBB di Timor Timur, dihantar pulang kerana mengupah AS\$20 (RM44) kepada seorang lelaki Timor Timur bagi mengintip pergerakan tentera Indonesia di Timor Barat, bulan lalu. Apakah tindakan ini boleh diterima?

Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa sebarang percubaan untuk campur tangan, tambahan pula dengan niat tersembunyi, tidak boleh diterima. Prinsip ini tetap dipertahankan sama ada di negara ini atau di negara jiran. Malaysia adalah pendokong kepada prinsip kawasan aman, bebas dan berkecuali yang menjadi teras Asean. Oleh itu, tidak salah bagi mana-mana pemimpin yang berpegang kepada prinsip itu untuk menyuarakan pandangan mereka.

(END)